

Rencana

Selasa, 9 Mei 2017 | 10:31am

Dadah terusancam anak peneroka FELDA NS

SEREMBAN: Permintaan terhadap dadah sintetik atau syabu dalam kalangan anak peneroka FELDA di Negeri Sembilan menunjukkan trend peningkatan meskipun harganya lebih mahal berbanding dadah jenis heroin yang sebelum ini lebih popular di kawasan itu.

Ketagihan kronik terhadap dadah mahal itu dikatakan turut menjadi antara penyumbang kepada berlakunya pelbagai kes jenayah termasuklah pecah rumah, samun dan ragut, bagi membolehkan pelakunya memperoleh wang segera untuk membeli bekalan.



Muhamad Zaki Harun

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Muhamad Zaki Harun, berkata permintaan dadah jenis syabu hampir menyamai permintaan dadah jenis heroin yang sebelum ini lebih popular di kawasan FELDA disebabkan sifat mahu mencuba dan merasa pelbagai jenis dadah.

"Untuk itu, mereka memerlukan wang yang lebih banyak dan apabila tiada wang, inilah yang menyumbang kepada berlakunya kes jenayah di kawasan sekitar.

"Kita akui wujud kaitan sekiranya ada penagih di sesuatu kawasan, maka akan berlaku jenayah sampingan, bahkan ada juga dalam kalangan penagih mencuri getah dan kelapa sawit untuk dijual memandangkan harga komoditi itu ketika ini agak mahal.

"Mereka akan melakukan apa saja jenayah asalkan memperoleh wang untuk membeli bekalan," katanya kepada BERNAMA.

Katanya, selain itu, pengambilan air ketum juga merekodkan permintaan tinggi ketika ini, bahkan polis turut menemui ladang ketum dan tempat memproses air ketum di daerah Jempol yang diusahakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Lebih membimbangkan, pengedar ketum yang ditahan itu berasal dari kawasan FELDA, sekali gus memudahkan bekalan dadah diperolehi anak FELDA di kawasan berkenaan, katanya.

Muhamad Zaki berkata, statistik tangkapan berkaitan dadah di FELDA di seluruh Negeri Sembilan bagi tempoh Januari hingga Februari tahun ini menunjukkan peningkatan 67 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Operasi telah kita jalankan di kawasan FELDA di daerah Kuala Pilah, Tampin, Jelevu dan Jempol dan mendapati kenaikan dari segi tangkapan pada tahun ini iaitu seramai 136 orang berbanding 81 orang dalam tempoh sama tahun lalu," katanya.

Meskipun pelbagai usaha membanteras penyalahgunaan dadah dilaksanakan, beliau berkata, selagi ia mendapat permintaan, selagi itulah akan adanya bekalan dan bagi memastikan kegiatan kegiatan itu dapat dihapuskan secara holistik, elemen permintaan dan penawaran perlu diperangi habis-habisan.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) giat melakukan tangkapan terhadap pembekal di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan bermula tahun ini, PDRM akan memberi tumpuan lebih khususnya kepada tangkapan terhadap pembekal melalui pengumpulan maklumat, percakapan dan risikan saksi yang telah ditahan dan mereka ini akan ditahan mengikut akta itu.

"Meskipun ketika ditahan tiada barang pada mereka, tetapi berdasarkan maklumat diperolehi dan kita telah sahkan individu terbabit ada kaitan dengan kegiatan berkaitan dadah dan telah kenal pasti laluan pembekalan dadah yang dilakukannya, barulah tangkapan dibuat selepas mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Mengenai statistik rampasan dadah, Muhamad Zaki berkata, bagi tempoh Januari hingga Februari tahun ini, polis merampas pelbagai jenis dadah seperti heroin seberat 2.35 kilogram (kg), ganja (2.66 kg), daun ketum (46.77 kg) dan pil erimin 5 (612 biji) bernilai RM138,306 membabitkan tangkapan seramai 1,839 orang.

Katanya, polis turut mengesan taktik pengedaran terbaru syabu yang dibungkus dalam pek minuman buah-buahan 'Fruit Powder Drinks' dan dijual dengan harga RM300 bagi paket seberat empat gram di kelab hiburan.

Dalam tempoh sama, Muhamad Zaki berkata, polis juga menahan 23 orang mengikut Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dengan 14 daripada mereka dipercayai turut terbabit dengan kegiatan kongsi gelap.

"Tahun lalu di bawah undang-undang ini, sebanyak 70 tangkapan dibuat. Tahun ini kita tingkatkan tangkapan di bawah akta ini dan kita percaya usaha kita akan lebih berjaya kerana kita menyekat bekalan meskipun ketika suspek ditahan, tiada dadah ditemui pada mereka, tetapi kita mempunyai risikan yang memperoleh maklumat mengenai kegiatan suspek.

"Kita juga akan sasarkan pusat hiburan di kawasan bandar seperti Seremban, Nilai dan Port Dickson yang mana kita memang tahu ada unsur pengedaran dadah berlaku di kawasan berkenaan," katanya.

Muhamad Zaki turut meminta orang ramai memberi kerjasama dengan membantu menyalurkan maklumat kepada polis bagi memerangi penyalahgunaan dan bekalan dadah secara berkesan.



Noorzainy Mohd Noor

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Noorzainy Mohd Noor, berkata langkah pembasmian dadah yang dilakukan PDRM termasuk di daerah itu yang mempunyai 36 kawasan rancangan Felda, berjaya mengurangkan indeks jenayah setempat.

Beliau berkata, berdasarkan statistik rampasan dadah bagi kategori bekalan bagi tahun lalu, heroin merekodkan rampasan tertinggi iaitu 1,041 gram diikuti syabu dengan 132 gram manakala bagi kategori permintaan pula, ketum menjadi rampasan tertinggi iaitu 285 liter, diikuti heroin (24 gram), ganja (21 gram) dan syabu (13 gram).

"Untuk tahun ini dari Januari hingga Mac, heroin kekal merekodkan rampasan tertinggi bagi kategori bekalan diikuti syabu, begitu juga dengan ketum yang merekodkan rampasan tertinggi bagi kategori permintaan iaitu sebanyak 92 liter, diikuti syabu 24 gram, ganja 12 gram dan heroin empat gram," katanya.

Tahun lalu, katanya, sebanyak 39 tangkapan dibuat di bawah kategori bekalan manakala 225 tangkapan bagi kategori permintaan 209 tangkapan, penagihan membabitkan 486 individu berusia antara 14 hingga 40 tahun ke atas.

Bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini, Noorzainy berkata, seramai 111 individu ditahan membabitkan 111 tangkapan di daerah itu. - BERNAMA
